

D6 Kebolehjadian 1

1. Rajah menunjukkan buah dadu.



- (a) Apakah kebolehjadian nombor 3 diperoleh selepas sekali lambungan?
- (b) Buah dadu dilambung sebanyak dua kali. Hasil tambah kedua-dua permukaan itu ialah 17. Nyatakan kebolehjadian hal ini berlaku.

2. Rajah menunjukkan kad nombor



- (a) Apakah kebolehjadian nombor genap dipilih?
- (b) Apakah kebolehjadian nombor ganjil dipilih?

3. Rajah menunjukkan satu tarikh.

29 Februari 2016

Apakah kebolehjadian bagi tarikh itu berlaku?

4. Rajah menunjukkan sebuah bekas mengandungi objek.



- (a) Apakah kebolehjadian sebiji butang dipilih secara rawak dari bekas itu? Tandakan (✓) pada jawapan yang betul

Mustahil	☐
Kecil kemungkinan	☐
Besar kemungkinan	☐

- (b) Apakah kebolehjadian sekeping syiling 10 sen dipilih secara rawak dari bekas itu?

5. Rajah menunjukkan kad perkataan.

MATEMATIK

Ali memilih secara rawak huruf berdasarkan kad perkataan di atas.

- (a) Apakah kebolehjadian Ali mendapat huruf vokal?
- (b) Apakah kebolehjadian Ali mendapat huruf konsonan?

6. Rajah menunjukkan duit syiling 50 sen.



Abu melambungkan duit syiling seperti di atas. Nyatakan kebolehjadian Abu mendapat gambar bunga raya.